

Akta Sekuriti akan dibentang di Parlimen

# Jamin pasaran saham negara lebih stabil...

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Kedudukan pasaran saham di negara ini akan lebih stabil dan terjamin berikutan pindaan Akta Sekuriti Perindustrian yang akan dibentangkan di Parlimen tidak lama lagi.

Penganalisa perjalanan pasaran saham di sini yakin, operasi di pasaran saham Kuala Lumpur yang akan menjadi harga semua kaunter sentiasa turun naik tanpa sebab-sebab munasabah sekarang lebih mantap berikutan pindaan akta itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan baru-baru ini, kerajaan akan meminda Akta Sekuriti Perindustrian untuk membolehkan pihak berkuasa mengawal operasi pasaran saham yang dipercayai kini dimanipulasi oleh segolongan yang berhasrat menimba untung berlebihan.

Pindaan tersebut sedang dalam kajian pihak tertentu dan mungkin tidak dapat dibentangkan di Parlimen dalam sidangannya tidak lama lagi.

Penganalisa itu juga berpendapat, perjalanan pasaran saham di negara lebih meyakinkan dan mantap sekiranya satu jemaah dilantik mengawasi bahawa pasaran itu dikendalikan demi kepentingan sebilangan besar pelabur dan kepentingan ekonomi negara.

Mereka mencadangkan, jemaah berkenaan dianggotai oleh mereka yang tidak terlibat dengan pasaran saham Kuala Lumpur dan diberi kuasa mengawasi perjalanan jawatankuasa kerja pasaran tersebut.

Mereka juga mengemukakan peraturan yang disifatkan sebagai kurang wajar di mana seseorang pelabur dilarang membuat penjualan sewaktu sijil

sahamnya dihantar untuk pendaftaran.

Peraturan sedemikian, selalunya menyebabkan pengaliran sijil yang terhad di pasaran menjejaskan pelabur tulen dari membuat sesuatu penjualan dan sebaliknya menggalakkan segolongan tertentu memanipulasi operasi pasaran.

Selain dari itu, penganalisa pasaran juga berpendapat, sebahagian besar saham wajar dipegang oleh sesuatu institusi.

Kedudukan di Malaysia sekarang sebaliknya, di mana sebilangan besar saham dalam tangan pelabur individu.

Terdapat pula yang mencadangkan agar kerajaan mengenakan cukai keuntungan modal dalam perniagaan saham.

Katanya, walaupun cadangan seperti ini mungkin tidak praktikal kerana ia akan mengurangkan penyertaan pelabur di pasaran saham, tapi peraturan sedemikian pasti dapat mewujudkan keadaan pasaran saham yang sihat.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia